

Turut serta sepasukan pakar patologi daripada Hospital Kuala Lumpur

Bedah siasat remaja Ireland 10 jam

SEREMBAN - Bedah siasat bagi mengatahui punca kematian remaja Ireland, Nora Anne Quoirin, 15, yang



NORA ANNE

dijalankan di Hospital Tuanku Jaafar (HTJ) di sini semalam memakan masa lebih 10 jam.

Difahamkan, proses bedah siasat itu bermula pada pukul 11.45 pagi dan turut disertai sepasukan pakar patologi dari Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisioner Che Zakaria Othman berkata, setakat pukul 5 petang, proses bedah siasat ke atas mayat mangsa masih berjalan.

"Dijangka siap dalam pukul 8 malam ini (semalam), anggaran lebih dua jam lagi (sehingga 8 malam)," katanya kepada pemberita di pekarangan Jabatan Perubatan Forensik HTJ.

Setakat pukul 8 malam tadi,



Pendaki jumpa mayat Nora Anne

KERATAN Kosmo! semalam.

proses bedah siasat belum selesai. Satu sidang akhbar dijangka diadakan polis selepas itu.

Terdahulu, pasukan pakar patologi HKL tiba di Jabatan Perubatan Forensik HTJ pada pukul 9 pagi dengan sebuah kenderaan jenis Toyota Hilux.

Tinjauan Bernama mendapati dua individu dipercayai waris terdekat Nora Anne memasuki Jabatan Perubatan Forensik HTJ pada pukul 8.30 pagi.

Sementara itu, peguam Sankara Nair yang mewakili keluarga Nora Anne berkata, laporan bedah siasat remaja itu akan diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara bagi menentukan sama ada terdapat keperluan



IBU Nora Anne, Meabh Jaseprine dilihat keluar dari bangunan Jabatan Perubatan Forensik HTJ, Seremban semalam.

untuk mengadakan inkuies.

"Mengikut prosedur satu salinan laporan bedah siasat akan diserahkan kepada pejabat Peguam Negara (AG) dan terserah kepada AG membuat keputusan atau mengarahkan tentang keperluan mengadakan inkuies.

"Biasanya kematian secara mengejut seperti ini akan membawa kepada inkuies tetapi sekali lagi ia bergantung kepada bukti yang dibentangkan dalam laporan bedah siasat serta siasatan polis," katanya kepada pemberita



SANKARA mengadakan sidang akhbar berhubung kes kematian remaja Ireland itu di pekarangan Jabatan Perubatan Forensik HTJ, Seremban semalam.

di sini semalam.

Ditanya kehadiran keluarga Nora Anne di HTJ, Sankara berkata, ia bertujuan mengesahkan identiti mayat itu sekali lagi sebelum bedah siasat dimulakan. Sankara memberitahu, keluarga Nora Anne masih trauma dan bersedih.

Mayat seorang wanita ditemui pada pukul 1.57 petang kelmarin dan disahkan Nora Anne, individu yang dilaporkan hilang dari sebuah resort di Pantai di sini pada pukul 8 pagi, 4 Ogos lalu.

Mangsa dan keluarganya tiba di Malaysia pada 3 Ogos lalu untuk bercuti selama dua minggu di sini.

Dalam pada itu, Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, Wisma Putra akan membantu dari segi dokumentasi dan bekerjasama dengan kedutaan Ireland bagi menguruskan mayat Nora Anne.

Katanya, wadli polis dari Ireland dan Perancis mendapat kebenaran untuk berada di dalam bilik bedah siasat sebagai pemerhati.

Polis, bomba masih jalankan siasatan di lokasi mangsa hilang

SEREMBAN - Suasana di resort The Dusun, Pantai di sini lengang semalam dengan hanya anggota polis dan bomba meneruskan tugas melengkapkan siasatan di kawasan sekitar remaja Ireland, Nora Anne Quoirin, 15, yang ditemui mati selepas hilang selama 10 hari.

Tinjauan Bernama mendapati keadaan sekitar lokasi mulai tenang dan lengang berbanding 10 hari sebelum ini yang dipenuhi pengamal media tempatan dan luar negara serta anggota pasukan mencari dan menyelamat (SAR).

Kelihatan beberapa ken-



RESORT inilah lokasi Nora Anne dilaporkan hilang semasa bercuti bersama ahli keluarganya.

daan anggota keselamatan masih berlegar di sekitar kawasan resort selain beberapa anggota forensik, polis dan

bomba melaksanakan tugas. Kelmarin, Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Mat Yusop dilapor sebagai

berkata, operasi diteruskan bagi melengkapkan siasatan.

Selain itu, pintu masuk di resort berkenaan dilihat masih dikawal oleh beberapa anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia dengan Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Mohd. Nor Marzukee Besar dilihat turun dari resort berkenaan.

Kelmarin, pasukan SAR menemui mayat remaja Ireland itu yang dilaporkan hilang dari resort berkenaan pada pukul 8 pagi, 4 Ogos lalu. Pengecaman mayat dibuat oleh keluarga remaja itu di Hospital Tuanku Jaafar di sini.

Info Solat	15 OGOS 2019					
	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
K. LUMPUR	5:53	7:10	1:21	4:37	7:27	8:38
SHAH ALAM	5:53	7:10	1:21	4:37	7:27	8:38
SEREMBAN	5:52	7:11	1:19	4:36	7:24	8:35
MELAKA	5:52	7:10	1:18	4:36	7:23	8:34
JOHOR BAHRU	5:46	7:05	1:12	4:30	7:16	8:27
IPOH	5:55	7:10	1:23	4:39	7:30	8:42
P. PINANG	5:56	7:13	1:25	4:41	7:33	8:45
ALOR SETAR	5:54	7:12	1:25	4:40	7:34	8:46
K. TERENGGANU	5:44	7:03	1:14	4:30	7:22	8:33
KOTA BHARU	5:52	7:07	1:18	4:33	7:27	8:34
KUANTAN	5:48	7:06	1:15	4:32	7:20	8:32
KANGAR	5:54	7:14	1:26	4:40	7:35	8:46
TAWAU	4:47	6:06	12:16	3:32	6:23	7:34
KOTA KINABALU	4:52	6:11	12:22	3:37	6:31	7:42
KUCHING	5:21	6:40	12:47	4:05	6:51	8:02
MIRI	5:03	6:22	12:31	3:48	6:38	7:49

*Kawasan-kawasan sewaktu dengannya